

Akta Pendidikan 1996 hanya syaratkan setakat sekolah rendah

Wajibkan hingga SPM

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Akta Pendidikan 1996 perlu dipinda bagi mewajibkan setiap ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah sehingga mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).


Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr Raduan Che Rose berkata, peruntukan undang-undang sedia ada hanya mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka mengikuti pelajaran rendah setakat darjah enam tahun.

Berdasarkan Seksyen 29A(2) akta itu, ibu bapa yang gagal menghantar anak-anak mereka mengikuti pelajaran rendah boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau keduanya sekali.

Beliau berkata, bukan sahaja Akta Pendidikan 1996 perlu dikaji semula malah pelaksanaan sasaran 45 peratus calon SPM memasuki institut pengajian tinggi (IPT) perlu dilihat semula kerana gagal dicapai.

Menurut beliau, selain itu, kegagalan 10,681 calon menduduki SPM tahun lalu disifatkan sebagai isu negara kerana perkara itu punca keciciran rakyat mendapat pendidikan dan peluang pekerjaan.

“Kalau mereka tiada sijil SPM, di mana hala tuju mereka? Apa nasib mereka selepas ini sedangkan kerajaan turut per-



PEPERIKSAAN Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dianggap sebagai sijil paling penting dalam sistem pendidikan negara dan sering dijadikan sebagai syarat minimum untuk melanjutkan pengajian dan mencari pekerjaan.

nah menyasarkan kemasukan sekurang-kurangnya 55 peratus daripada lepasan SPM ke program TVET.

“Jika-tiada SPM, mereka keciciran dalam pelbagai aspek yang kebanyakan menetapkan SPM sebagai syarat kemasukan,” katanya.

Pensyarah Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Anuar Ahmad menegaskan, jumlah pelajar tidak menduduki SPM satu perkara serius dan menuntut kerajaan mencari mekanisme terbaik untuk memberi peluang kedua kepada mereka.

Menurut beliau, masa depan mereka tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dan kerajaan perlu mencari jalan terbaik untuk membantu kumpulan itu untuk mendapat sijil SPM.

Beliau bersetuju Seksyen 29A(2) Akta Pendidikan 1996 perlu dikaji semula dengan memperluaskan pendidikan wajib selama 11 tahun berbanding kini enam tahun kini.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Wang Heng Suan berkata, tidak dinafikan mewajibkan SPM merupakan langkah terbaik agar semua rakyat Malaysia

mendapat akses pendidikan namun perkara itu perlu melihat secara menyeluruh termasuk kekangan dihadapi pelajar tingkatan lima.

Katanya, lebih 10,000 calon gagal mengambil peperiksaan tahun lalu tidak berkemungkinan berpunca daripada faktor kewangan apabila ibu bapa mereka tidak dapat bekerja kerana diberhentikan kerja akibat pandemik Covid-19.

Beliau tidak menolak kemungkinan mereka terpengaruh dengan pengaruh di media sosial yang kononnya menjanjikan pendapatan lebih lumayan dengan bermodalkan internet.